

SURAT SETUJU TERIMA BANTUAN
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

Bahawa kami.....
(Persatuan /
 Pertubuhan / NGO / Pemohon) *bersetuju / *tidak bersetuju (**potong mana-mana yang tidak berkenaan*) menerima bantuan daripada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia berjumlah RM..... (Jumlah Lulus) bagi melaksanakan.....(Nama Program/Aktiviti) pada..... (Tarikh Program / Aktiviti) bertempat

 dengan ini mematuhi syarat – syarat berikut :

- i. akan menyimpan wang bantuan ini di dalam akaun lejar berasingan;
- ii. akan mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh 14 hari selepas tarikh pelaksanaan program / aktiviti. Sekiranya gagal, permohonan berikutnya tidak akan dipertimbangkan;
- iii. akan menggunakan sepenuhnya bantuan kewangan yang diluluskan bagi pelaksanaan program/aktiviti di atas;
- iv. akan melaksanakan program/aktiviti tersebut mengikut garis panduan / profil yang disediakan oleh Kementerian dari segi piawaian, kualiti dan perkhidmatan yang dikehendaki;
- v. akan menanggung apa –apa kenaikan kos berkaitan program/aktiviti ini;

- vi. akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda dan kecederaan orang akibat daripada kecuaiian atau kegagalan mematuhi mana – mana syarat dan peraturan berkaitan dengan program/aktiviti ini;
- vii. akan membenarkan pegawai - pegawai Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan agensi berkaitan membuat pemeriksaan dan audit terhadap pelaksanaan program/aktiviti atau penggunaan wang bantuan yang berkenaan dan menduduki dalam mana – mana Jawatankuasa yang difikirkan sesuai;
- viii. sebarang pindaan atau perubahan kepada persetujuan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua – dua pihak; dan
- ix. akan memberikan pengiktirafan kepada KBS atau JBSN dengan menyatakan, di mana sesuai, bahawa aktiviti berkenaan adalah anjuran bersama KBS atau JBSN.

Sesungguhnya kami yang bertandatangan di bawah ini bagi pihak Persatuan / Pertubuhan amat memahami dan mengakui bahawa kegagalan mematuhi ketetapan – ketetapan di atas dan lain – lain syarat tambahan adalah merupakan suatu pelanggaran syarat kepada pemberian bantuan yang diberikan ini, dan pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia berhak untuk menarik balik kelulusan dan bantuan kewangan yang telah dikeluarkan kepada kami serta akan dikembalikan kepada kerajaan.

Sesungguhnya kami juga tertakluk kepada **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM 2009) di bawah Seksyen 18 ASPRM 2009** yang menyatakan seseorang melakukan kesalahan jika mengemukakan apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan

dengan niat mengelirukan dan memperdayakan prinsipalnya jika disabitkan, hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

.....

(Tandatangan)

Nama :
No.K/P :
Jawatan : Yang DiPertua/Pengerusi
(Cop Rasmi Jawatan)

Tarikh :

.....

(Tandatangan)

Nama :
No.K/P :
Jawatan : Setiausaha/Bendahari
(Cop Rasmi Jawatan)

Tarikh :